



Mesyuarat Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P) pada 5 Mei 2009 telah memutuskan supaya semua agensi Kerajaan hendaklah memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilaksanakan secara lebih berkesan dengan memberi penekanan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat memenuhi hasrat Kerajaan untuk merealisasikan konsep "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".


Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan pada 4 Mei 2009 pula telah memutuskan supaya semua Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri memaparkan pencapaian Piagam Pelanggan di laman web masing-masing. Pendekatan self-disclosure ini bukan sahaja akan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap Perkhidmatan Awam malahan akan memenuhi hasrat Kerajaan untuk sentiasa memantap dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Panel Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan (Panel 3P) pada 29 Jun 2009 telah memutuskan semua agensi yang menunjukkan inisiatif memaparkan piagam pelanggan dan pencapaian di paparkan di laman web MAMPU untuk makluman semua semua agensi-agensi sektor awam.



**SENARAI KEMENTERIAN/AGENSI/JABATAN PERSEKUTUAN
YANG TELAH MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MEMAPARKAN
PIAGAM PELANGGAN SERTA PENCAPAIAN PIAGAM
PELANGGAN DI LAMAN WEB MASING-MASING**

PERINGKAT KEMENTERIAN	
1.	Kementerian Pelancongan Malaysia
2.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
3.	Kementerian Sumber Manusia
PERINGKAT AGENSI / JABATAN	
1.	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia(MAMPU)
2.	Jabatan Kimia Malaysia
3.	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
4.	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
5.	Mahkamah Perusahaan Malaysia



6.	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
7.	Jabatan Tenaga Kerja Sarawak
8.	Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
9.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)